

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



MOHD FATHUALLAH  
**96 kod rahsia bagaimana untuk berjaya**  
Petaling Jaya : TrueWealth, 2014. 257ms.  
ISBN 978-967-416-037-1

## ULASAN

Terdapat *96 Kod Rahsia Bagaimana Untuk Berjaya* didedahkan oleh Mohd Fathuallah bagi membantu anda untuk mencapai kejayaan dalam apa jua bidang yang diminati dan pastinya rahsia-rahsia di dalamnya adalah satu pelaburan yang amat bernilai serta akan membawa hasil yang tiada penghujungnya.

Mohd Fathuallah merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Teknologi Mara. Beliau merupakan ahli perniagaan dalam bidang hartanah dan mempunyai syarikat sendiri iaitu FATH GROUP. Beliau turut bergerak secara aktif dalam memberi ceramah, seminar dan juga sebagai penceramah jemputan. Seawal usia 25 tahun, beliau telah berjaya menguruskan hartanah berjumlah RM3 juta.

Buku ini disusun rapi dan didedahkan kepada anda semua supaya anda mendapat pendedahan dan pengetahuan bagaimana golongan-golongan yang berjaya berfikir dan

bekerja. Penulis sendiri masih lagi mengamalkan kesemuanya dan kerap kali merujuk semula apabila semangat untuk berjaya mulai hambar. Penulis juga menyatakan jika dengan satu kod sahaja sudah berjaya merubah hidup anda, itu merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan.

Buku ini dibahagikan kepada lapan bab. Pertama, tentang motivasi iaitu bagaimana untuk membina impian yang hebat dan mencapainya. Motivasi yang paling terbaik adalah kita memberikan tumpuan terhadap usaha menjayakan setiap impian kita dengan memberikan perhatian sepenuh hati dan perasaan kita. Buku ini mengupas sama ada kita boleh berjaya atau tidak tanpa mentor. Ini merupakan salah satu perkara yang paling penting dan mesti diberi perhatian kerana kita perlu bekerjasama dengan golongan profesional.

Buku ini turut menceritakan mengenai kehidupan iaitu bagaimana untuk melihat peluang dan menggunakaninya. Dalam dunia perniagaan terutamanya, kita sentiasa perlu bersedia untuk menghadapi situasi-situasi yang di luar jangkaan kita semua. Penulis menekankan aspek kebijakan, iaitu dari sudut perniagaan. Mereka yang benar-benar berjaya adalah mereka sentiasa memikirkan peluang bagaimana untuk membantu orang lain menyelesaikan masalah mereka dan dalam masa yang sama dapat menjana keuntungan yang setimpal dengan usaha yang diberikan. Untuk menggapai kejayaan, kita mestilah bijak melakukan jualan, jika kita lihat nama-nama hebat yang berjaya dan kaya seperti Syed Mokhtar Al-Bukhary, Tony Fernandes dan Mendiang Lim Goh Tong mereka semua mempunyai kemahiran menjual dalam kelas mereka tersendiri.

Dalam dunia perniagaan ini kita tidak akan berjaya dengan berseorangan namun kita akan berjaya bila kita mempunyai rakan niaga yang hebat dan berkaliber. Buku ini seterusnya menyingkap mengenai pelajaran, rahsia kejayaan mereka yang kaya juga adalah mereka tidak berkira untuk mengambil penasihat daripada pelbagai sudut seperti penasihat kewangan, penasihat perniagaan, penasihat perundangan dan banyak lagi semata-mata ingin mengembangkan perniagaan mereka ke tahap maksimum.

Kejayaan adalah satu impian yang diidam-idamkan oleh semua orang. Tipulah jika mereka yang waras tidak inginkan sebuah kejayaan dalam hidup mereka. Namun dalam proses untuk mencapainya, ramai yang tewas dan kecundang di pertengahan jalan dan tidak tahu bagaimana untuk meneruskannya sehingga mencapai puncak kejayaan.

Kesimpulannya, anda boleh memilih untuk berjaya dan anda juga boleh memilih untuk gagal kerana kedua-duanya adalah pilihan yang mesti dibuat. Namun apa salahnya untuk kita memilih untuk berjaya dan kejayaan itu dapat dikongsi dengan semua orang. “Gagal dengan mencubanya terlebih dahulu adalah jauh lebih mulia daripada gagal untuk mencuba”.

---


**Pengulas:**

***Noor Adila Abd Rahman***

Pembantu Perpustakaan  
Bahagian Sumber Elektronik  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



AZIZI ALI  
**Maharaja wang : jadi kaya. Hidup kaya. Mati kaya**  
Petaling Jaya : TrueWealth, 2014. 329ms.  
ISBN 978-967-416-053-1

## ULASAN

Kebanyakan orang mengimpikan saat mereka berjumpa dengan lubuk harta, satu fenomena yang akan mengubah kehidupan mereka dan membuat mereka kaya-raya. Lubuk harta itu mungkin satu pelaburan, perniagaan, peluang ataupun seseorang. Memang ada segelintir manusia yang berjaya mencari lubuk harta tersebut. Malangnya, jutaan manusia mati dahulu tanpa impian itu tercapai.

Buku terkini Azizi Ali membongkar rahsia membina kekayaan yang sebenar. Ia penuh dengan penyelesaian, jawapan dan pengetahuan berkaitan kewangan. Ia merupakan panduan tentang bagaimana ingin menjadi kaya, hidup kaya, kekal kaya dan sudah tentu mati pun kaya. Kekayaan memerlukan masa, perhatian, wang dan pengorbanan dan pelbagai lagi usaha sebelum ia sudi mendampingi anda.

Kupasan bagi setiap ceritera dalam buku setebal 330 muka surat ini dibahagikan mengikut lima bahagian yang berbeza meliputi tip-tip ringkas untuk hidup berjaya,

pelaburan, penasihat kewangan dan beberapa kisah tentang pengalaman sebenar penulis dalam dunia kewangan. Walaupun kebanyakkan sumber bagi pengisian buku ini adalah dari pengalaman penulis sendiri, menampakkan penulis bijak untuk memahami apa yang pembaca inginkan. Buku ini mempunyai tajuk-tajuk yang menarik dalam setiap bahagian sehingga membuatkan kita terpikat untuk membaca setiap panduan dan petua yang dipaparkan dengan penuh motivasi.

Sebagai permulaanya, terdapat kesungguhan daripada penulis untuk menanam ke dalam minda kita akan nilai sebenar wang di dalam kehidupan kita seharian. Beberapa bab yang menyentuh tentang bagaimana untuk membina kekayaan secara amnya amat menarik untuk dihayati. Kandungannya termasuklah membina tabiat wang yang baik dan maklumat dalaman dan luaran mengenai pelaburan. Terdapat banyak idea berevolusi dan radikal untuk dikongsi dengan pembaca yang lain.

Buku ini menyediakan banyak tip-tip nasihat dan panduan mengenai apa yang perlu dilakukan dan cara untuk membawa perubahan yang besar apabila sudah berjaya. Penulis bijak mengajak pembaca untuk bersama-sama membuka minda kepada idea-idea yang terdapat dalam buku ini kerana secara nyata ianya akan membantu untuk mencapai kehidupan yang lebih sihat, kaya dan bahagia.

Secara kesimpulan, membina kekayaan adalah salah satu cara yang dapat memberikan sinaran dalam kehidupan kita. Nampak terlalu mudah bila digambarkan bahawa tidak semua boleh menyanyi dengan baik, tidak semua boleh memenangi pingat emas dalam sukan Olimpik dan tidak semua boleh menjadi Perdana Menteri, tetapi kita semua boleh menjadi kaya dan bahagia.

---


**Pengulas:*****Mohd Hisham Zain***

Pembantu Perpustakaan  
Bahagian Sumber Elektronik  
Perpustakaan Negara Malaysia

---

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR  
**Memburu keberkatan ilmu**  
Kuala Lumpur : Telaga Biru, 2014. 194ms.  
ISBN 978-967-388-162-8

## ULASAN

Buku yang padat dan ringkas dengan pencerahan konsep dan cabang ilmu dan betapa pentingnya ilmu agama. Penulisan dalam buku ini terbukti suatu penulisan yang bertepatan dengan senario pada masa sekarang. Buku ini memenuhi keperluan zaman ini memandangkan kecelaruan yang melanda pemikiran umat Islam sejagat.

Buku yang diberi tajuk *Memburu Keberkatan Ilmu* ditulis oleh Mohammad Nidzam Abdul Kadir yang merupakan pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Buku ini diisi dengan bab-bab yang berkenaan dengan konsep dan dasar ilmu dalam Islam. Selain itu, buku ini mengemukakan kitab-kitab dan rujukan yang sesuai dalam proses mendalami ilmu agama. Buku ini amat mudah difahami kerana penulisannya yang tersendiri dan ringkas serta dibantu contoh-contoh yang amat relevan pada masa kini. Buku ini disusun kepada sepuluh bab yang merangkumi hal yang berkaitan dengan ilmu agama, serta sirah Nabi Muhammad S.A.W.

Pengenalan buku ini membincangkan secara am berkenaan dengan ilmu dan kelebihannya. Pelbagai dalil dan adab-adab dalam menuntut ilmu dikemukakan dalam memberi penekanan dalam setiap bab. Perbincangan seterusnya mengenai cara pemilihan guru agama dan hal yang berlaku sekarang iaitu perbezaan fatwa dan pendapat yang tidak mengelirukan.

Seterusnya pembaca diterangkan mengenai akidah tauhid, metodologi dan manhaj ilmu dalam ilmu akidah. Pembaca juga didedahkan dengan kaedah memahami al-Quran dan penyelewengan dalam tafsir mengikut permasalahan yang berlaku pada masa sekarang. Turut diketengahkan perihal mengenai hadis bagaimana untuk pembaca mengenalpasti kesahihan sesuatu hadis dan mengabstrak pemikiran pembaca dalam hal yang berkaitan dengan sunah.

Untuk pengetahuan, mazhab ialah disiplin ilmu dalam memahami al-Quran dan Sunah. Sikap fanatik terhadap mazhab turut disentuh dan diperkatakan sebagai suatu jenis penyakit dunia kini. Hal berkenaan usul fiqah turut menjadi topik yang dirungkaikan dalam buku ini. Sebagaimana pentingnya memahami hadis dan sunah, penting juga hal yang berkaitan dengan kaedah-kaedah fiqah ini.

Pembaca turut dicurahkan dengan ilmu tasawuf dan bagaimana amalan tasawuf terkeluar dari Sunah. Turut disertakan ialah kitab-kitab cadangan yang terbaik untuk pembaca membuat sebarang rujukan berkenaan dengan tasawuf. Seterusnya membicarakan pula hal berkenaan riwayat sejarah Nabi Muhammad S.A.W secara terperinci dan diselitkan bersama iktibar dan pengajaran daripada setiap kisah diceritakan secara teratur dan kandungannya amat padat.

Sebagai rumusannya, buku ini adalah buku yang amat bermanfaat dan berguna sebagai teks asas untuk pembaca dewasa, tetapi ia juga sesuai sebagai rujukan tambahan kepada anak-anak untuk menambah intipati ilmu dalam memperkasakan diri untuk masa depan kelak. Penulisan yang tidak terlalu protokol serta disertakan contoh-contoh yang mudah untuk difahami oleh pembaca. Sebahagian penulisannya datang dari pengamatan dan pengalaman penulis sendiri, lalu penulisannya dirasakan amat dekat pada diri pembaca. Rujukan dari karya-karya yang terkenal dan diakui kesahihannya. Buku ini

bertujuan dijadikan panduan terbaik yang berupaya mendidik jiwa agar mencintai ilmu. Adalah diharapkan bagi sesiapa sahaja yang membaca buku ini akan dapat menyedari dan memahami betapa penting dan relevannya ilmu dalam kita menempuh liku-liku kehidupan pada zaman sekarang.


**Pengulas:**

***Mohd Raimi Mohd Yusof***

Pembantu Perpustakaan  
Bahagian Pembangunan Kandungan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



AB. AZIZ YUSOF  
**Pengurusan sumber manusia : teori dan pelaksanaan**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.  
446ms.  
ISBN 978-983-46-1157-6

## ULASAN

Buku ini khusus untuk pengurus sumber manusia, bakal pengurus dan semua yang berjawatan pengurus dalam sesbuah organisasi. Buku ini mengandungi 17 bab mengenai kepentingan, isu, cabaran dan pelaksanaan fungsi pengurusan sumber manusia dalam organisasi. Penulis menghuraikan secara teori dan konsep berkenaan falsafah pengurusan yang berorientasikan perniagaan dalam usaha mencapai cita-cita sesbuah institusi dan badan organisasi.

Konsep yang diterangkan meliputi persaingan secara sihat di mana membentuk pengurus untuk melakukan perubahan bagi membaiki diri dan kesilapan yang sedang berlaku. Konsep dan asas yang kukuh bagi membina pengurusan sumber tenaga kerja yang berjaya. Diselitkan juga ciri-ciri yang wajib ada bagi mewujudkan pengurusan sumber tenaga kerja yang efisien dan berdaya saing. Penulis turut mengetengahkan kepentingan tenaga kerja yang betul untuk menghasilkan pelaburan yang berkesan bagi sesbuah syarikat dan organisasi.

Buku ini juga memaparkan topik yang menarik dan menghubungkaitkan aspek spiritual dengan pengurusan sumber manusia. Penulis mengutarakan aspek kerohanian dan spiritual penting sebagai amalan sesebuah masyarakat di dalam organisasi bagi menjalankan kerja-kerja mereka sehari-hari. Penulis menggambarkan aspek nilai murni yang dipupuk dan disemai mampu melahirkan pelaksanaan pengurusan sumber manusia yang adil dan jujur. Oleh yang demikian, aspirasi yang terhasil daripada didikan nilai murni rohani dan spiritual perlulah disemai dalam sesebuah badan organisasi bagi melahirkan satu organisasi yang berjaya dan makmur.

Fungsi pengurus dalam sesebuah organisasi dalam melaksanakan kerja dan tanggungjawab berkaitan sumber manusia secara bertanggungjawab dan betul. Banyak kepentingan yang harus dijaga oleh pengurus dalam usaha memenuhi kehendak semua pihak. Seterusnya pengurus perlu ada kebijaksanaan menyusun strategi menangani masalah yang dihadapi dalam sesebuah institusi. Strategi yang bijak mampu menyelesaikan masalah sama ada dalam jangka masa pendek maupun dalam jangka masa panjang.

Pengurus juga perlu memenuhi keperluan dan kehendak kerja dan mengurus dengan baik dalam memastikan prestasi dan kualiti tenaga sumber manusia berada di tahap yang tinggi. Justeru kualiti yang telah dimiliki itu juga akan mendorong komitmen dan kesetiaan mereka terhadap sesebuah organisasi. Adalah sangat penting bagi pengurus memenuhi keperluan asas dan kepentingan mereka lebih-lebih lagi jika hal ini melibatkan prestasi kerja mereka terhadap organisasi.

Selain itu, buku ini juga menerangkan kelebihan pengurusan sumber manusia secara baik dan betul. Hal ini dapat dilihat di mana hasil daripada peningkatan kualiti dalam organisasi maka sesebuah organisasi itu akan berkembang dan meluas. Justeru bakal membuka peluang baru dan kerjaya kepada mereka yang masih belum mempunyai kerjaya dan peluang pekerjaan.

Sesebuah organisasi perlu bergerak jika persekitaran mereka sentiasa berubah. Seorang pengurus perlu bijaksana dalam mengadaptasikan sesebuah organisasi jika mereka melalui fasa perubahan sama ada secara drastik maupun secara perlahan.

Ilustrasi jadual dan gambarajah serta contoh yang sangat bersesuaian bagi menerangkan secara terperinci kepada pembaca agar mudah memahami konsep pengurusan sumber maklumat dan pelaksanaannya. Contoh atau andaian peristiwa diselitkan bagi memastikan pembaca memahami konsep dengan lebih jelas dan dipraktikkan terus di alam pekerjaan mahupun dalam kehidupan seharian.

Buku ini juga bukan hanya menerangkan secara terperinci pengurusan sumber manusia dan pelaksanaannya tetapi juga menyertakan hasil dan huraian kajian yang telah dibuat bagi mengukuhkan teori yang disampaikan. Pada setiap bab di dalam buku ini, penulis menyediakan beberapa soalan untuk pembaca menjawab mahupun mencarinya di dalam tajuk yang telah mereka baca sebelum ini. Pembaca tidak hanya dapat ilmu malah juga menarik pembaca agar berfikir sejenak dan membentuk masyarakat yang berfikiran jauh dan berdaya saing.

Kesimpulannya, buku ini telah berjaya menarik pembaca untuk menghayati setiap topik dan isi kandungan yang dipaparkan. Setiap bab telah disusun dengan baik dan ada kesinambungan dari satu topik ke topik yang lain. Pembaca mudah mengenalpasti setiap langkah yang perlu diambil tanpa perlu mencari isi yang penting dalam satu-satu perenggan. Buku ini adalah disarankan dan wajar dibaca serta menjadi sumber rujukan penting kepada pengurus sumber manusia tidak terkecuali kepada ahli akademik dan juga para pelajar yang terlibat secara khusus dalam bidang pengajian pengurusan sumber manusia.

---


**Pengulas:**

***Suhaida Mohamad***

Penolong Pengarah  
Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



**Resepi herba sebagai penawar penyakit**  
Rawang, Selangor : Pustaka Ilmuwan, 2014. 228ms.  
ISBN 978-967-0634-09-8

## ULASAN

Buku yang diterbitkan oleh Pustaka Ilmuwan ini menerangkan herba sebagai penawar penyakit. Mengambil kira herba sebagai penawar penyakit, pendedahan kepada perubatan secara tradisi ini menggunakan beberapa jenis tumbuhan seperti kunyit, bawang merah, betik muda, pucuk pegaga dan lain-lain. Perubatan tradisi tidak tertumpu kepada masyarakat Melayu sahaja malah masyarakat Cina dan India juga menggunakan tumbuh-tumbuhan sebagai perubatan tradisi.

Perubatan tradisi dalam masyarakat Melayu ialah dengan menggunakan jampi seraphah oleh seseorang yang digelar bomoh iaitu dengan membaca ayat-ayat suci al-Quran sambil berdoa kepada Allah supaya penyakit seseorang itu dapat diubati. Masyarakat India pula terkenal dengan Ayurveda. Perubatan ini digunakan melalui psikologi. Bagi masyarakat Cina pula, cendawan dan kulat menjadi ramuan perubatan tradisi.

Tumbuhan adalah merupakan rahmat Allah s.w.t yang tidak ternilai kepada manusia. Bukan sahaja sebagai bahan makanan seharian, bahkan untuk kegunaan pelbagai bidang kehidupan kita. Khasiat beberapa jenis tumbuh-tumbuhan tertentu telah membawa rahmat kepada umat manusia serta dunia, sama ada untuk menyembuhkan penyakit tertentu ataupun dalam sesuatu bidang perubatan.

Tumbuhan sebagai bahan ubat-ubatan ini, bolehlah disifatkan sebagai gedung ubat yang amat besar. Segenap hutan belukar, bukit bakau, lembah, paya, sawah, padang, kampung dusun, bahkan di kawasan kediaman sendiri terdapat tumbuhan yang pelbagai jenisnya. Kebiasaannya cara ubatan tradisional Melayu menggunakan beberapa jenis tumbuh-tumbuhan herba dalam merawat sesuatu jenis penyakit. Tumbuhan herba ini akan dicampurkan bersama-sama mengikut cara-cara yang tertentu. Sama ada dengan cara memasak kesemua tumbuhan tersebut ataupun dengan menggilingnya dan pelbagai cara lagi.


Kebanyakan bahan-bahan boleh didapati dari kedai-kedai runcit yang mendapatkan bekalan daripada pembekal-pembekal yang mendapatnya daripada hutan rimba. Namun ada juga yang menanamnya di halaman rumah dan juga di dapur rumah kita sendiri. Buku ini ternyata memberi manfaat kepada pembaca untuk mengatasi pelbagai jenis penyakit. Cara perubatan yang dihidangkan juga tidak memberi kesan mudarat atau sampingan kerana bahan-bahan yang digunakan adalah dari tumbuh-tumbuhan semulajadi.

**Pengulas:**

**Azwani Mohamed**

Pembantu Perpustakaan  
Bahagian Pembangunan Kandungan  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



FAWZIA ABDULLAH  
**Tiga puteri gemilang : Fakhriah - Suhailah - Rahah**  
Petaling Jaya : MPH Group Pub., 2014. 363ms.  
ISBN 978-967-4151-20-1

## ULASAN

Buku ini yang telah ditulis oleh Fawzia Abdullah merakamkan perjalanan kehidupan sebenar tiga orang wanita dan juga ibu yang setia berdiri di belakang dan sentiasa menyokong tokoh-tokoh yang telah berjaya mengukir sejarah Malaysia, sebelum dan juga selepas merdeka. Ceritera tentang tiga wanita ini, Datin Fakhriah Tan Sri Mohd Noah, Tun Suhailah Tan Sri Mohd Noah dan Tun Rahah Tan Sri Mohd Noah, tidak pernah digembar-gemburkan di mana-mana naskhah sebelum ini dan telah diceritakan semula secara eksklusif oleh Fawzia Abdullah, iaitu anak perempuan kepada Datin Fakhriah Tan Sri Mohd Noah.

Pada ketiga-ketiga cerita tentang puteri-puteri gemilang ini, banyak mengisahkan tentang tahun-tahun di bawah pendudukan Jepun yang telah mereka lalui dan merupakan saat-saat yang paling mencabar bagi wanita-wanita ini dan juga wanita-wanita lain yang telah melalui perkara yang sama, di zaman itu.

Segala cerita tentang puteri-puteri gemilang dalam buku ini sama seperti wanita-wanita di luar sana kerana wanita-wanita ini juga berkahwin, mempunyai suami, anak dan keluarga. Setiap perjalanan hidup puteri-puteri ini telah diadaptasikan dalam sebuah buku di mana segala perjalanan hidup mereka sewaktu persekolahan, berkahwin, menimang cahaya mata pertama sehingga besar dengan cucu-cucu mereka turut diceritakan dalam buku ini.

Buku ini mengisahkan zaman-zaman pembesaran ketiga-tiga adik beradik ini dalam kehidupan yang penuh dengan keistimewaan yang telah ditonjolkan masing-masing. Dibesarkan dengan penuh kemewahan, memiliki pemandu yang akan menghantar dan mengambil puteri-puteri ini dari sekolah dan kembali ke rumah mereka disambut pembantu-pembantu rumah pula. Ketiga-tiga puteri Tan Sri Mohd Noah ini tidak pernah menyombong diri dengan kehidupan mewah yang mereka ada, dan tersedia kepada mereka sejak dari kecil lagi malah, mereka telah dididik untuk sentiasa merendah diri dan bersahaja dengan kehidupan mewah mereka. Sikap seperti inilah yang diharapkan menjadi ikutan kepada pembaca-pembaca buku ini.

Ketiga-tiga wanita berjaya ini telah menempah nama dengan usaha sendiri dan setiap daripada mereka bersifat dan berperwatakan yang amat berbeza antara satu sama lain. Sebagai contoh, Datin Fakhriah sangat aktif dalam pertubuhan-pertubuhan wanita yang beliau usahakan dan bangunkan sejak sekian lama manakala Tun Suhailah pula adalah wanita yang amat pemurah hati terhadap golongan-golongan yang memerlukan. Dan akhir sekali, Tun Rahah, di antara mereka bertiga ini, beliau adalah yang paling warak, yang selalu tidak pernah ketinggalan untuk menghadiri kelas-kelas agama dan yang selalu menjadi murid yang terbaik dalam kelas.

Yang paling menarik, buku ini juga mengisahkan tentang bibit-bibit perkahwinan ketiga-tiga puteri gemilang ini di mana ketiga-tiga mereka hidup di zaman masyarakat dahulu, iaitu berkahwin sebelum berumur 20 tahun. Walaupun mereka telah membesar tanpa pendidikan universiti, mereka tidak akan berhenti berusaha untuk mendidik anak-anak mereka mendapatkan tempat di mana-mana universiti yang unggul. Alhamdulillah, berkat doa dan usaha mereka, anak-anak kepada ketiga-tiga puteri ini telah mendapat sekurang-kurangnya ijazah pertama dan juga lepasan ijazah. Mereka

telah mencorakkan kehidupan mereka sama seperti apa yang telah mereka pelajari daripada bapa mereka, Tan Sri Mohd Noah, untuk sentiasa menekankan aspek-aspek pentingnya pendidikan yang terbaik kepada anak-anak.

Buku ini juga memaparkan beberapa foto untuk tatapan pembaca yang menceritakan kisah-kisah kehidupan mereka bertiga, bersama-sama keluarga tercinta, segala pencapaian yang mereka telah kecapi hingga ke hari ini. Foto-foto yang telah dipaparkan juga berkisar tentang di mana ketiga-tiga puteri ini bersekolah serta aktiviti-aktiviti yang mereka kerap lakukan bersama. Malah foto-foto eksklusif yang terdapat dalam buku ini juga menceritakan perpindahan kehidupan puteri-puteri yang kerap berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain.

Buku ini juga menceritakan hubungan kekeluargaan yang penting dan yang perlu ada kepada setiap pembaca. Pembaca akan mendapati cerita sebenar dalam buku ini menjanjikan pelbagai harapan dan pengajaran kepada semua. Buku ini akan sentiasa mengingatkan erti kepentingan dan kelebihan dalam kekeluargaan serta pentingnya untuk mengambil tahu setiap sejarah Malaysia dan liku-liku serta nilai-nilai perjuangan yang kita pernah lalui mahupun yang tidak pernah kita lalui sebagai satu pengajaran dan pedoman buat semua.


**Pengulas:**

**Zaleha Zainal Abidin**

Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Pembinaan Koleksi  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



GRAY, JOHN  
**Why Mars and Venus collide.** Ed. bahasa Melayu  
Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2014.  
284ms.  
ISBN 978-967-369-220-0

## ULASAN

Berorientasikan ideologi atau pemahaman bahawa lelaki berasal dari planet Marikh manakala perempuan berasal dari planet Venus, penulis menggunakan metafora ini bagi memperhalusi konflik-konflik yang lazim berlaku antara lelaki dan perempuan. Dr. John Gray, kaunselor dan pakar perhubungan nombor satu di dunia menggarapkan dengan begitu terperinci bagaimana perbezaan antara lelaki dan perempuan sering menjadi punca permasalahan dalam hubungan yang tidak bahagia. Berdasarkan pengalaman penulis memberi khidmat kaunseling kepada beribu pasangan dan individu, beliau berkongsi panduan bagaimana kita boleh bertoleransi menerusi komunikasi dengan pasangan, keperluan emosi dan keperibadian bagi memupuk persefahaman antara lelaki dan perempuan. *Why Mars and Venus Collide* bukan sahaja berjaya membantu berjuta-juta orang lelaki dan perempuan memahami pasangan mereka dengan lebih baik, malah mereka lebih menghargai perbezaan yang sedia wujud pada pasangan masing-masing.

Fitrah kejadian manusia semenjak Adam dan Hawa diciptakan oleh Allah SWT, bahawa lelaki dan perempuan memiliki sifat-sifat dan keperluan emosi yang berbeza. Adam sebagai ketua, pelindung dan pembimbing kepada Hawa yang perlu dilindungi dan dibimbing dengan penuh kasih sayang namun perlu juga adanya ketegasan. Lelaki dan wanita perlu menghargai perbezaan yang ada pada pasangan masing-masing tanpa mengharapkan satu sama lain untuk bertindak mengikut cara yang sama seperti mereka.

Buku ini menegaskan idea bahawa lelaki dan wanita sangat berbeza baik dari segi fizikal dan juga keperibadian seperti dua makhluk dari dua planet yang berlainan. Malah, mekanisma otak di antara lelaki dan perempuan juga berbeza. Mempelajari serta memahami perbezaan jantina yang berlawanan adalah sesuatu yang amat penting bagi memastikan keharmonian dalam sesebuah hubungan akan mewujudkan institusi kekeluargaan yang ‘sihat’.

“Oksitosin adalah hormon penghubung kasih sayang, dihasilkan dalam jumlah yang banyak ketika kelahiran, laktasi dan ketika kemuncak hubungan intim. Di dalam tubuh wanita, paras oksitosin akan meningkat ketika menikmati urutan yang menenangkan dan menurun apabila berasa diabaikan atau ditinggalkan. Hormon ini mempengaruhi pengiktirafan sosial, usaha mengeratkan ikatan dan membina kepercayaan dengan orang lain. Oksitosin merangsang sifat dan tingkah laku keibuan serta kehairahan seksual. Kajian menunjukkan manusia dan haiwan yang mempunyai paras oksitosin yang tinggi adalah lebih tenang dan lebih pandai bersosial.

Walaupun secara puratanya lelaki dan wanita mempunyai paras oksitosin yang sama dalam aliran darah tetapi wanita mempunyai paras estrogen yang lebih tinggi. Tambahan pula, testosteron di dalam tubuh lelaki mengurangkan kesan ketenangan yang dibawa oleh oksitosin. Perbezaan interaksi antara oksitosin dengan estrogen dan testosteron menjadi punca sebenar lelaki dan wanita memberi respon kepada tekanan dengan cara yang berbeza.

Para penyelidik mendapati oksitosin dapat melegakan stres yang dialami wanita tetapi tidak memberi kesan yang sama kepada lelaki. Merangsang pengeluaran oksitosin yang


terlalu banyak di dalam tubuh lelaki sebenarnya dapat menurunkan paras testosteron. Testosteron yang banyak di dalam tubuh wanita pula dapat merencatkan kemampuan oksitosin bagi melegakan tekanan.

Kesinambungan daripada buku pertama penulis, *Men Are From Mars, Women Are From Venus* merupakan buku perhubungan *bestseller* sepanjang zaman dan diterjemahkan ke dalam empat puluh bahasa seluruh dunia, sebagai pelengkap *Why Mars and Venus Collide* adalah buku panduan kebahagiaan sepanjang hayat. Bahan rujukan yang sesuai bagi membantu setiap pasangan ke arah memperbaiki hubungan ke tahap yang lebih baik atau memahami pasangan dengan lebih baik serta menghargai pasangan, agar hubungan yang terjalin dapat diraikan dengan penuh kasih sayang. Menerima serta menghargai kebaikan dan keburukan pasangan adalah nilai yang perlu ada pada setiap individu jika dia mahu pasangannya menerima serta menghargai kebaikan dan keburukannya. Ketahuilah bahawa ‘*differences completes us*’.

**Pengulas:**

**Nurul Huda Ahmad Zainuddin**  
Pembantu Perpustakaan  
Bahagian Kandungan Digital  
Perpustakaan Negara Malaysia


## SINOPSIS BUKU



**10 amalan murah rezeki**  
Rawang, Selangor : Pustaka Ilmuwan, 2014. 138 ms.  
ISBN 978-967-5778-99-5

Rezeki mempunyai pengertian yang luas dalam Islam. Tidak hanya tertumpu dalam bentuk wang dan harta. Ia mencakupi segala elemen material mahupun spiritual. Segala bentuk nikmat yang kita perolehi sama ada atas usaha sendiri mahupun diperoleh daripada sumber pemberian yang lain, semuanya adalah rezeki yang Allah SWT berikan. Hanya jalan dan cabang perolehannya sahaja yang berbeza. Dalam memperolehi segala nikmat rezeki yang diinginkan, yang diidamkan, manusia ataupun hamba secara khususnya tidak hanya boleh berdiam dan hanya menunggu rezeki itu datang dengan alasan setiap manusia itu rezekinya sudah ditentukan. Pastinya kita harus berusaha sedaya upaya dengan kudrat Allah SWT kurniakan bagi mendapatkan setiap rezeki yang dijanjikan itu. Selain berusaha, buku ini juga menghimpunkan amalan-amalan yang wajar dilakukan setiap hamba-Nya bagi mengundang kemurahan rezeki daripada Allah yang Maha Kaya lagi Maha Pemurah.

## SINOPSIS BUKU



### **10 sahabat yang dijamin masuk syurga**


Rawang, Selangor :  
Pustaka Ilmuwan, 2014.  
153ms.

ISBN 978-967-5778-97-1

Buku ini merupakan sebuah buku pengisahan sepuluh sahabat nabi yang dijamin masuk syurga iaitu Abu Bakar As-Siddiq, Umar bin Al-Khattab, Uthman bin Affan, Ali bin Abi Talib, Thalhah bin Ubaidullah, Zubair bin Awwam, Saad bin Abi Waqas, Abu Ubaidah Al-Jarrah, Abdul Rahman bin Auf dan Sa'id bin Zain. Kisah sahabat yang dinyatakan adalah mengenai keperibadian, kemuliaan, pahit manis perjuangan hidup mereka yang sempurna serta begitu istimewa dalam kehidupan mereka. Dalam buku ini, bahasa yang digunakan adalah mudah difahami. Buku ini sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat kerana mengandungi nilai-nilai murni yang patut dicontohi.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




SUSANTO, AGUS  
**Berjuta hikmah di sebalik larangan dalam Islam**  
Batu Caves, Selangor : Al Hidayah House of Publishers, 2014. 238ms.  
ISBN 978-967-4390-74-7

Setiap permulaan itu ada pengakhirannya dan setiap larangan Allah itu terselit kebaikan atau hikmah yang hanya Allah sahaja yang mengetahuinya. Sebagai hamba yang lemah Allah telah menentukan jalan yang terbaik untuk setiap manusia. Sebagai contoh hikmah untuk tidak tidur seusai solat subuh hingga terbitnya matahari, kerana waktu itu ialah waktu yang sangat berharga terutama bagi orang yang sentiasa berzikir setelah solat subuh, diikuti solat dhuha, mereka ini akan mendapat pahala seperti mengerjakan haji dan umrah. Selain itu penulis turut membincangkan dari sudut pemakanan iaitu larangan makan atau minum secara berdiri yang dirujuk dari hadis dan ilmuan. Begitu juga larangan memakan darah dan bangkai serta penjelasan yang membenarkan seseorang itu memakannya. Penulis tidak ketinggalan menjelaskan akan pentingnya kesihatan jiwa atau roh iaitu larangan mempunyai penyakit hati seperti hasad atau dengki kerana penyakit-penyakit ini akan memberi kesan kepada zahir dan batin seseorang. Ikutilah intipati buku ini yang akan memberi impak yang besar kepada pembaca.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




### Biografi tokoh wanita Kelantan

Kota Bharu : Penerbit Universiti Malaysia Kelantan, 2014. 228ms.  
ISBN 978-967-5782-66-4

Wanita di negeri Kelantan telah lama terkenal, bukan sahaja dalam konteks negeri Kelantan tetapi juga dalam arena kebangsaan. Sesiapa sahaja yang melawat negeri Kelantan dan singgah di Pasar Siti Khadijah akan kagum dengan jumlah wanita sebagai penjual. Dalam bidang perniagaan kain songket dan batik, terdapat beberapa nama yang terkenal, sebagaimana terkenal juga nama-nama mereka yang berjaya dalam bidang keusahawanan moden. Dalam bidang kesenian, pengurusan, dan akademik, wanita-wanita Kelantan juga terserlah. Buku ini mengandungi huraian biodata 111 orang tokoh wanita Kelantan yang terserlah dalam bidang masing-masing. Matlamat utama penghasilan buku ini adalah untuk mengenang jasa mereka yang telah menyumbang kepada pembangunan wanita, sekali gus menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada wanita kini dan generasi akan datang.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




NIK ROSMAWATI NIK HUSSAIN, ROSEDIANI MUHAMAD & ZURAIDA ZAINUN  
**DIY: pengurusan pesakit strok di rumah**  
Batu Pahat, Johor : Penerbit UTHM, 2014. 215ms.  
ISBN 978-967-0468-61-7

Strok atau lebih dikenali sebagai angin ahmar oleh sebahagian masyarakat kita merupakan satu kumpulan tanda-tanda fizikal yang terhasil akibat kegagalan fungsi otak. Buku ini memperkatakan permasalahan strok, proses kejadian strok dan penjagaan pesakit strok di rumah seperti kaedah melakukan fisioterapi serta menyedia dan memberikan makanan kepada pesakit strok. Turut dibincangkan kaedah senaman rehabilitasi dan keseimbangan badan serta bagaimana membantu pesakit dalam memperbaiki keupayaan kendiri bagi meningkatkan kualiti hidup pesakit dan juga penjaga. Ditekankan juga kaedah mudah bagi pesakit untuk melaksanakan tuntutan agama seperti solat, berpuasa dan juga ketika bermusafir. Proses penyembuhan pesakit strok adalah secara beransur-ansur. Masa yang diperlukan dan tahap penyembuhan adalah berbeza bagi setiap pesakit. Terdapat pesakit yang pulih sepenuhnya manakala sebahagian lagi pulih sedikit sahaja dan memerlukan penjagaan jangka panjang dan sokongan dari masyarakat sekeliling. Kesedaran dan penjagaan awal berkaitan penjagaan kesihatan diri amat penting untuk semua lapisan masyarakat bagi mengelakkan risiko daripada terjadinya strok.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



PINK, DANIEL H.  
**Drive : the suprising truth  
about what motivates us.**  
**Ed. bahasa Melayu**  
Batu Caves, Selangor : PTS  
Professional Pub., 2014.  
249ms.  
ISBN 978-967-369-262-0

Buku ini menceritakan perubahan besar dalam dunia motivasi. Kaedah motivasi tradisional seperti *carrots and sticks* tidak sesuai lagi diamalkan sepenuhnya oleh pengamal bisnes seluruh dunia. Menerusi buku ini, pengarang mendedahkan satu kenyataan berkenaan motivasi yang ternyata berbeza. Berpandukan kajian saintifik yang dilakukan selama 40 tahun, sebenarnya manusia mempunyai bukan dua, tetapi tiga dorongan dalam diri iaitu dorongan biologi, dorongan hukuman dan ganjaran dan yang ketiga dorongan motivasi dalaman. Berpandukan tiga elemen motivasi sebenar iaitu autonomi, masteri dan tujuan hidup, buku ini ternyata mampu mengubah cara kita berfikir, sekali gus memberi perubahan dalam cara hidup kita. Buku ini sesuai untuk seseiap sahaja yang berminat mengetahui perkembangan terbaru dalam dunia psikologi motivasi.

## SINOPSIS BUKU



MOHD HAFIZ KHAIRUDDIN  
**Emas dan silver : infiniti**  
Mantin, Negeri Sembilan :  
Mohd Hafiz bin Khairuddin,  
2013. 64ms.  
ISBN 978-967-11659-1-1

Buku ini menerangkan tentang teknik-teknik dan kaedah yang sesuai digunakan dalam urusan perniagaan emas dan silver. Pelbagai teknik perniagaan emas dan silver telah diterangkan di dalam buku ini. Antaranya adalah beli murah jual mahal, beli mahal jual murah, teknik trade-in, teknik pajak dan jual dan teknik kutu-kutu lumpsum. Teknik dan kaedah yang berkesan, penting di dalam perniagaan emas dan silver yang mana ia merupakan suatu elemen yang penting di dalam menjalankan urusniaga. Selain daripada membeli dan menyimpan emas dan silver ini, nilai aset yang tiada ternilai dan amat berharaga bagi emas dan silver memerlukan penggunaan kaedah serta teknik yang betul di dalam menjana keuntungan yang maksimum dan tepat. Penggunaan kaedah dan teknik yang terdapat di dalam buku ini adalah antara yang praktikal dan terbaik dalam pengurusan serta perniagaan emas dan silver. Perkara yang diterapkan dalam buku ni adalah panduan yang baik untuk mereka yang berkecimpung dalam perniagaan emas dan silver.

## SINOPSIS BUKU




MASZURIA A. GHANI ... [ET AL.]

### Guru & cabaran semasa

Kuala Lumpur : Freemind Horizons, 2014. 248ms.  
ISBN 978-967-0590-17-2

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa Malaysia mempunyai mutu pendidikan yang baik dan terus berusaha secara serius membuat transformasi terhadap semua eleman yang menjurus melahirkan modal insan berkualiti tinggi yang mampu membangun ekonomi berdasarkan pengetahuan melangkaui sempadan global. Perancangan dan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 adalah tepat dan jelas mengenai hala tuju sistem pendidikan yang rapi dalam melaksanakan pengurusan inovasi dan perubahan pendidikan supaya setara dengan standard antarabangsa. Antara perubahan yang dimaksudkan merangkumi aspek pendekatan pembelajaran murid, kaedah pemilihan guru, latihan guru, penyediaan ganjaran kepada guru dan pemimpin sekolah dan pedekatan pengoperasian Kementerian. Antara cabaran yang dihadapi oleh pendidik ialah integrasi nasional, pendemokrasian pendidikan, tonggak pendidikan UNESCO, globalisasi dalam pendidikan, sokongan keluarga, kepelbagaian budaya, pengaruh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan juga gejala sosial.

## SINOPSIS BUKU



EL MANAN  
**Hidup sihat tanpa ubat : panduan hidup sihat alami**  
Kuala Lumpur : Ar-Risalah Product, 2014. 158ms.  
ISBN 978-967-448-005-9

Sihat merupakan anugerah dan nikmat yang Allah S.W.T kurniakan kepada setiap manusia. Oleh sebab itu menjaga kesihatan adalah satu ibadah dan amat penting. Pelbagai cara dan petua untuk menjaga kesihatan. Ada yang menggunakan senaman, penjagaan diet, persekitaran, suasana perhubungan, mengambil ubat-ubatan dan banyak lagi. Buku ini mengambil pendekatan bagaimanakah untuk sihat tanpa menggunakan ubat. Seperti yang kita sudah sedia maklum, di pasaran banyak sekali ubat-ubatan dihasilkan. Ada yang berkesan dan ada pula yang tidak berkesan. Akan tetapi lebih dahsyat lagi apabila pengambilan ubat-ubatan ini mendatang kesan memudaratkan dan boleh membawa maut. Ini disebabkan oleh kebanjiran ubat-ubatan tanpa pengesahan dan kelulusan daripada pihak yang berkenaan. Buku ini sesuai untuk semua lapisan masyarakat dan perkongsian yang terdapat di dalam buku ini akan dapat dimanfaatkan sebaiknya.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




AZIAN  
**Idea bekal ke sekolah :**  
**menu Asia**  
Batu Caves, Selangor : PTS  
Millennia, 2014. 103ms.  
ISBN 978-967-411-287-5

Buku ini menampilkan resepi-resepi yang sedap dan senang disediakan di samping mempelajari teknik-teknik memasak yang betul bagi menjimatkan masa penyediaan bekalan makanan serta dapat menghasilkan makanan yang sesuai untuk tumbesaran kanak-kanak. Bermula dari resepi yang sedap, menarik dan menggunakan bahan-bahan yang senang didapati kepada idea untuk menghias bekalan makanan yang disediakan. Buku ini memberi inspirasi kepada para ibu supaya lebih teruja menyediakan bekalan makanan kepada anak-anak ke sekolah. Resepi dalam buku ini juga mengambil berat keseimbangan kandungan nutrisi seperti karbohidrat, protein, vitamin dan juga mineral. Pelbagai rasa, warna dan hiasan yang menarik dapat menjadikan bekalan makanan yang disediakan cukup sempurna. Buku ini memberi idea kepada ibu untuk menyediakan bekalan makanan yang lebih menarik dan berkhasiat kepada anak-anak mereka.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




**Indahnya dunia hamilku! :  
panduan untuk bakal ibu  
beserta doa & amalan  
harian**

Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2014. 307ms.  
ISBN 978-983-124-872-0

Buku ini merungkaikan permasalahan, menjawab persoalan dan memberi panduan berguna untuk wanita menempuh alam kehamilan. Ia bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai kehamilan yang perlu diketahui oleh bakal-bakal ibu. Setiap kehamilan seharusnya perlu disertai sedikit persediaan, bukan sahaja persediaan dari segi material, tetapi lebih penting, persediaan mental, emosi dan bekalan ilmu yang cukup. Semuanya demi memastikan kelahiran yang selamat dan sihat. Melalui buku ini juga, para ibu akan mendapat maklumat pemakanan yang sesuai, dan perkara-perkara penting sepanjang tempoh kehamilan. Buku ini bukan hanya untuk bakal ibu, tetapi juga sesuai sebagai rujukan pasangan yang baru berkahwin sebagai persediaan menempuh dunia kehamilan. Paling penting, jalani setiap saat kehamilan dengan ceria dan penuh sabar.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




K. H. MIFTAH FARIDI  
**Indahnya ibadah muslim kosmopolitan**  
Batu Caves, Selangor : PTS Islamika, 2014. 372ms.  
ISBN 978-967-366-245-6

Ibadah adalah fitrah manusia. Setiap manusia, siapa pun dia, memerlukan kehadiran Tuhan dalam hidupnya. Buku ini menyediakan panduan kepada pembaca yang ingin menjaga kualiti dan kuantiti ibadah kepada Allah S.A.W. Khususnya mereka yang sibuk dan sering berhadapan dengan keadaan-keadaan yang darurat dalam menjalankan ibadah. Seharusnya, dalam keadaan apa sekali pun, hubungan dengan Allah S.A.W. perlu sentiasa terjaga dan hubungan sesama manusia juga perlu terpelihara. Dalam buku ini juga dijelaskan bagaimana seorang muslim tetap kuat dalam prinsip akidah namun masih boleh bertoleransi dalam menyingkap keseragaman keyakinan dan budaya selagi masih seiring dengan syariat. Buku ini memberikan panduan secara menyeluruh kepada muslim khususnya penduduk metropolitan dalam menunaikan ibadah kepada Allah S.A.W. seiring dengan tuntutan duniaawi agar tidak ketinggalan dalam kedua-duanya.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




MOHD HASRIL AMIRUDDIN  
DAN ALIAS MASEK  
**Inovasi dalam teknologi  
pendidikan : isu dan  
cabaran**  
Batu Pahat, Johor : Penerbit  
UTHM, 2014. 64ms.  
ISBN 978-967-0468-66-2

Buku ini ditulis bertujuan untuk berkongsi maklumat berkaitan isu-isu terkini dalam teknologi pendidikan. Maklumat yang diutarakan dalam buku ini adalah berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Maklumat di dalam buku ini juga adalah hasil rangkuman daripada himpunan penulisan-penulisan tugas, perbincangan dan bahan-bahan rujukan yang telah ditelaah oleh penulis sendiri. Buku ini mendedahkan kaedah-kaedah dalam mempelbagaikan teknik penyampaian dengan mengaplikasikan teknologi pendidikan. Kandungan buku ini dikupas mengikut kronologi bermula dengan aspek teori, diikuti dengan isu penyebaran teknologi secara berstruktur. Melalui pembacaan buku ini, ia akan dapat membantu masyarakat, khususnya para pendidik dalam mempelbagaikan penggunaan teknologi pendidikan semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



ROSINAH EDININ  
**Kemahiran belajar**  
Kuala Lumpur : Freemind Horizons, 2014. 195ms.  
ISBN 978-967-0590-18-9

Kemahiran belajar amat penting kepada setiap individu kerana ia proses untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran supaya individu ini berilmu dan berkemahiran. Kemahiran belajar dalam abad ke-21 merangkumi pemikiran kritis, pemikiran kreatif, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran berkolaborasi. Semua kemahiran ini membantu pelajar dalam pembelajaran sepanjang hayat. Strategi pembelajaran adalah kaedah dan teknik yang digunakan oleh guru membantu pelajar untuk meningkatkan kefahaman dan mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Di antara jenis-jenis pembelajaran yang diperkenalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum ialah pembelajaran berpusatkan pelajar, pembelajaran bersifatkan individu, pembelajaran berfikrah, pembelajaran berasaskan teknologi, pembelajaran berasaskan otak dan pembelajaran berasaskan projek. Buku ini juga sesuai untuk para guru dalam perkhidmatan, pelajar di institut pengajian tinggi dan mereka yang terlibat serta berminat meningkatkan ilmu dalam bidang kepimpinan dan perkembangan profesional.

## SINOPSIS BUKU



NOR HAYATI MT ALI  
**Kerja mudah dengan the  
geometer's sketchpad 4.06**

Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2014.  
146 ms.

ISBN 978-983-46-1484-3

Buku ini merupakan sebuah buku yang dihasilkan khusus untuk kegunaan dan panduan guru dan pelajar yang terlibat secara langsung dengan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Ia menerangkan konsep berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran matematik Tingkatan 5 bagi topik "Bumi Sebagai Sfera". Buku ini dihasilkan dengan tujuan untuk membantu dan memudahkan guru matematik menyampaikan sesuatu konsep dan kandungan pelajaran dengan berkesan hingga mencapai semua hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Buku ini menggabungkan dua disiplin ilmu iaitu Pedagogi Matematik serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang melibatkan pengaplikasian perisian GPS 4.06. Perisian ini merupakan salah satu perisian khusus yang menyentuh bidang geometri dalam subjek matematik.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




HAMID MOHD ISA  
**Keturunan pemburu  
pemungut Lanoh terakhir  
di Malaysia**

Pulau Pinang : Penerbit  
Universiti Sains Malaysia,  
2014. 94ms.  
ISBN 978-983-861-820-5

Buku ini membincangkan sejarah, etnografi dan arkeologi masyarakat Lanoh, salah satu daripada sub kumpulan Negrito di negara ini. Data-data etnologi, sejarah dan arkeologi ini selain memperkayakan data-data sedia ada yang merupakan satu perspektif penting dalam kajian arkeologi khususnya etnoarkeologi, ia juga selari dengan matlamat menjadikan kajian arkeologi bersifat multidisiplin. Sebagai satu kajian etnoarkeologi, buku ini memaparkan data-data etnografi masyarakat kontemporari yang menjadi satu jendela untuk memahami tingkah laku, budaya dan cara hidup masyarakat prasejarah khususnya yang menghuni Lembah Lenggong. Selain itu, buku ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap kepentingan melestarikan warisan budaya. Buku ini ditulis menggunakan bahasa dan penyampaian yang mudah difahami dan sesuai dijadikan bahan bacaan serta rujukan di semua peringkat sama ada ahli akademik, pentadbir, ahli politik, pelajar atau masyarakat umum.

## SINOPSIS BUKU



SOFIAN  
**Magnet emas : magnet kekayaan**

Shah Alam : Azizan Osman Publications, 2014. 103ms.  
ISBN 978-967-11735-6-5

Islam menggalakkan umatnya bermula kerana 9/10 dari rezeki datangnya daripada perniagaan. Namun begitu tidak semudah dan seindah apa yang diungkapkan kerana perniagaan itu mempunyai cabarannya tersendiri tetapi tidak susah untuk mendapat kejayaan jika berguru, berilmu dan strategi yang betul. Buku ini memberi panduan kepada kita untuk berjaya dalam perniagaan emas dan logam. Pelbagai tips dan nasihat yang terkandung dalam buku ini amat memberi manfaat kepada pembaca seperti bagaimana pelaburan logam berkait rapat dengan agama Islam. Penulis turut berkongsi rahsia beliau menjadi jutawan logam dengan menampilkan 10 tips untuk berjaya dengan cemerlang. Tidak akan rugi orang yang membaca buku ini tetapi akan menjadi rugi bagi orang yang tidak membacanya.

## SINOPSIS BUKU



FARODIS, ZIAN  
**Mahu menguasai sains tulen? Berpuasalah**  
Kuala Lumpur : Ar-Risalah Product, 2014. 184ms.  
ISBN 978-967-0268-97-2

Apa kaitan sains tulen dengan puasa. Persoalan ini dibincangkan oleh penulis untuk memahami kaitan tersebut agar ianya jelas. Penulis turut membariskan beberapa tips bagi yang sukar mendalami ilmu sains tulen dengan langkah-langkah praktikal mengikut perintah agama. Membincangkan mengenai puasa bukan hanya merupakan saranan dan kewajipan bagi seseorang muslim bahkan ianya satu keperluan kerana dapat memberi manfaat besar kepada kesihatan fizikal, mental dan otak. Penulis menasihatkan bahawa jika ingin menguasai ilmu sains tulen perlulah memperbanyakkan amalan berpuasa kerana puasa mampu menjadikan otak dan akal manusia mudah untuk menerima ilmu-ilmu sains tulen iaitu ilmu matematik, fizik, kimia dan biologi. Buku ini telah mencungkil dan mengorek rahsia keistimewaan berpuasa dan semua peringkat boleh membacanya.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



GHOZY, FAHRUDIN  
**Melakukan amalan kecil,  
dapatkan pahala besar :  
maka sesiapa berbuat  
kebajikan seberat zarah,  
nescaya akan dilihatnya  
(dalam surat amalannya)!**  
Batu Caves, Selangor : Al-  
Hidayah House Publishers,  
2014. 287ms.  
ISBN 978-967-5415-62-3

Terdapat banyak amalan yang boleh diambil untuk dijadikan kebajikan di muka bumi ini. Oleh itu, manusia harus membuang pemikiran yang selalu suka membezakan amalan ini mempunyai pahala besar atau pahala kecil, sehingga mereka hanya menumpukan pada perkara yang dianggap besar dan meremehkan amalan yang dianggap kecil. Amalan kecil dalam konteks ini bukan bermaksud kecilnya nilai amalan itu bagi manusia, melainkan ramai manusia yang memperkecilkan nilai amalan tersebut. Pengabaian ini terjadi adalah disebabkan amalan itu sekadar sunat atau fadhu kifayah, yang tidak berdosa bila ditinggalkan, padahal sebenarnya tidak. Buku ini menjelaskan banyak amalan-amalan kecil yang sering ditinggalkan seperti menjaga kebersihan, memudahkan urusan orang lain, menjawab azan, mendoakan orang bersin, mendamaikan perbalahan, senyum, memberi salam dan seumpamanya. Buku ini turut menyelitkan petikan ayat-ayat daripada al-Quran dan hadis-hadis bagi menyokong isu ini.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




CHE AMRAN RAIHAN &  
ISYAH RADHIAH IDRIS  
**Mudahnya ajar anak solat**  
Petaling Jaya : Galeri Ilmu,  
2014. 164ms.  
ISBN 978-983-097-472-9

Berdasarkan pengalaman penulis sebagai ibu bapa yang membesarluaskan seramai sembilan cahaya mata telah diterjemahkan kepada penerbitan buku ini. Pelbagai kaedah diaplikasikan dalam pendidikan solat kepada anak-anak berpandukan kepada pembacaan, pengalaman serta perkongsian daripada para ibu bapa yang lain. Disertakan tip-tip yang berkesan khususnya bagi ibu bapa tentang bagaimana hendak mengajak dan mengajar anak-anak agar mereka bertambah rajin dan seronok untuk mengerjakan solat bermula dari awal usia kanak-kanak sehingga mereka meningkat dewasa. Dihuraikan juga secara mudah tentang kepentingan mendidik anak-anak bersolat, cara didikan bersolat, teknik memujuk anak bersolat dan doa-doa amalan harian. Pendidikan sejak kecil amat penting dan perlu diberi keutamaan untuk memastikan anak-anak istiqamah dalam menunaikan solat di samping membentuk akhlak yang terpuji. Anak-anak adalah kurniaan Allah dan ia adalah amanah kepada setiap ibu bapa. Kepentingan solat sejak usia kanak-kanak harus direnungi berdasarkan riwayat Bukhari dan Muslim ini, Rasulullah bersabda: *Apabila anak-anak sudah dapat membezakan antara tangan kanan dan kirinya, maka suruhlah dia mengerjakan solat.*

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




### Pelancongan pulau di Malaysia

Batu Pahat, Johor : Penerbit UTHM, 2014. 290ms.  
ISBN 978-967-0468-62-4

Bermula pada kurun ke-16, sektor pelancongan telah berlaku di Tanah Melayu tetapi lebih serius pembangunan pelancongan pulau ini bermula pada awal tahun 1980-an. Pengkajian dan penyelidikan mengenai pelancongan pulau ini semakin serius kerana negara kita mempunyai banyak pulau-pulau yang boleh membantu dalam meningkatkan ekonomi negara. Jika dilihat pada masa kini sektor pelancongan telah berkembang namun pada masa yang sama cabaran untuk merealisasikan pembangunan pelancongan lestari agak terganggu dengan penurunan kualiti alam sekitar atas kesan aktiviti snorkeling dan selam skuba serta pengurusan sisa pepejal. Melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada pelancong, pihak-pihak yang terlibat dapat mencari punca dan kaedah dalam meningkatkan ekopelancongan negara. Namun pada masa yang sama kajian mendapati bahawa telah berlaku risiko penghakisan budaya tempatan bagi penduduk yang tinggal di pulau-pulau pelancongan tersebut. Oleh itu pembaca boleh mengutip ilmu dari buku ini sama ada anda seorang pelajar, pendidik, penyelidik atau pengusaha di pulau-pulau pelancongan.


## SINOPSIS BUKU



**SUHANIM ABDULAH**  
**Pemikiran tokoh ulama**  
**Banjar Kedah**  
Batu Pahat, Johor: Penerbit  
UTHM, 2014. 321ms.  
ISBN 978-967-0468-41-9

Penulisan *Pemikiran Tokoh Ulama Banjar Kedah* memaparkan tentang sejarah dan peranan ulama Kedah khususnya ulama Banjar. Tumpuan diberikan kepada peranan ulama dalam bidang pendidikan dan penulisan. Tiga orang ulama Banjar yang menjadi fokus utama dalam buku ini ialah Sheikh Muhammad Taib, Tuan Hussein Muhammad Nasir dan Ustaz Ahmad Fahmi Zamzam. Ketiga-tiga ulama ini hidup dalam zaman yang berbeza dan terlibat dalam bidang pendidikan dan penulisan pada zaman masing-masing. Mereka merupakan pengarang yang banyak menyumbang dalam menghasilkan kitab meliputi ilmu akidah, fiqh, tasawuf, bahasa Arab, ilmu hadis dan sejarah Islam. Selain itu mereka antara pengasas terawal sekolah-sekolah pondok di sekitar negeri Kedah. Buku yang terbahagi kepada 5 bab ini memperlihatkan kesinambungan dan perubahan yang berlaku pada pemikiran ketiga-tiga ulama ini. Jelas dari segi pendekatan pemikiran Islam, ketiga-tiga ulama ini masih berpegang kepada tradisi dalam melakukan pengubahsuaian mengikut keperluan zaman, agar masyarakat dapat menerima sesuatu perubahan dengan selesa dan tidak terlalu jumud.


## SINOPSIS BUKU



A. RAZAK MOHAIDEEN  
**Pengarahan filem**  
Shah Alam, Selangor :  
Penerbit UiTM, 2014.  
201ms.  
ISBN 978-967-363-045-5

Buku ini merupakan huraian terperinci secara komprehensif mengenai persediaan menjadi seorang pengarah filem. Dengan kupasan yang mendalam melalui 10 bab asas pengarahan filem, pembaca akan dapat mendalami ilmu-ilmu rahsia pengarahan di Malaysia yang tidak pernah dibukukan secara akademik sebelum ini. Melalui buku ini, pembaca akan dapat mengaitkan segala teori-teori daripada buku-buku pengarahan filem antarabangsa dalam konteks praktis pembikinan filem di Malaysia secara khususnya. Buku ini juga boleh dijadikan panduan kepada pengarah filem masa hadapan bagi menghasilkan filem dengan cara yang betul. Ini penting bagi tujuan meningkatkan mutu dan kualiti filem dan seterusnya dapat menjana keuntungan hasil daripada filem tersebut. Kompilasi ilmu daripada pengarah-pengarah filem ini mampu melahirkan penggiat filem yang lebih berilmu dan kompetitif bagi menjana ekonomi negara pada masa hadapan.

## SINOPSIS BUKU




MOHD. NAJIB TUN HAJI  
ABDUL RAZAK, DATO' SRI  
**Political transformation**  
Kuala Lumpur : Institut  
Terjemahan & Buku  
Malaysia, 2014. 211p.  
ISBN 978-967-430-367-9

The information technology explosion has totally changed the global phenomenon, making today's era a period where governments no longer have monopoly over knowledge and wisdom. The internet, which was initially created to serve as a source of information, can now be used as a powerful weapon to change the political and social landscape of a country. In fact, the old ways of politics and refusal to change according to the wishes of the masses could have dire consequences. This book analyses important aspects of the transformation currently being implemented by the Government, namely political transformation, which involves the laws of the country. In short, this book justifies the necessity for such reforms and the dangers that awaits us if we choose to remain conservative.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




SAHOL HAMID ABU BAKAR, TAN SRI  
**Prinsip-prinsip kepimpinan universiti**  
Shah Alam : Penerbit UiTM,  
2014. 233ms.  
ISBN 978-967-363-117-9

Konteks sebenar universiti menjadi asas kepada penghasilan buku ini yang memaparkan mengenai konsep kepimpinan universal yang dipersembahkan di peringkat universiti berdasarkan pengalaman sebenar. Buku ini menggunakan ilustrasi contoh dan kes-kes kajian yang diambil daripada persekitaran tempatan bagi memberikan pandangan yang mendalam tentang cara menguruskan sesebuah universiti. Terdapat perbezaan yang nyata tentang cara pengurusan universiti di Barat dari segi budaya dan amalan, sekali gus berpotensi dalam menggalakkan persefahaman budaya. Buku ini turut menekankan kepercayaan pengarang bahawa tadbir urus universiti yang baik sebenarnya dipengaruhi oleh pemimpin dan pasukan yang komited untuk membangunkan sinergi, berkongsi matlamat dan wawasan bagi memastikan sistem pengurusan organisasi sentiasa dibangunkan, dilaksanakan dan dipertingkatkan. Buku ini sesuai dijadikan rujukan bagi setiap pemimpin khususnya di universiti serta pelajar-pelajar pascasiswazah yang mengikuti program kepimpinan.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




KIYOSAKI, ROBERT T.  
**Rich Dad's guide to investing.** Ed. bahasa Melayu

Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2014.  
164ms.  
ISBN 978-967-369-257-6

Penulis buku ini mempunyai perspektif berkenaan wang dan pelaburan yang selalu bertentangan dengan cara pemikiran konvensional dan sering mencabar status quo. Kenyataan beliau berkenaan ‘rumah bukan aset’ yang mencetuskan kontroversi itu ternyata meraih reputasi sebagai seorang yang telus, jujur dan berani. Penulisan beliau bukan sekadar buku pelaburan biasa. Buku ini memberi panduan dan bimbingan jangka panjang kepada kita yang mahu menjadi pelabur kaya dan melabur dalam pelaburan orang kaya serta cara mencipta aset dan seterusnya dapat membeli aset yang lain. Ditekankan juga bagaimana merancang dan membina bisnes yang dimiliki oleh 10 peratus orang yang memiliki 90 peratus kekayaan. Satu hal penting ditekankan dalam buku ini adalah kita mempunyai kuasa mencipta dunia tidak cukup wang dan juga dunia yang dilimpahi wang. Mencipta dunia yang dilimpahi wang memerlukan daya kreativiti dan pengetahuan kewangan yang tinggi, sikap dan minda yang sentiasa mencari peluang serta kemampuan untuk berkerjasama. Bak kata Rich Dad sekiranya kita mahu berada dalam kumpulan elit 10 peratus, ‘*Jangan jadi pelabur biasa-biasa*’. Pilihan ini terletak di tangan kita.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




CLASON, GEORGE S.  
**The richest man in  
Babylon. Ed. bahasa  
Melayu**

Batu Caves, Selangor : PTS  
Professional Pub., 2014.  
180ms.  
ISBN 978-967-369-233-0

Ribuan tahun sudah berlalu. Para Babylonian tidak hanya meninggalkan serpihan sejarah kota yang penuh kegemilangan untuk dikenang, malah ilmu kewangannya yang mantap untuk difahami dan diamalkan. Justeru itu, buku ini merupakan sebuah buku panduan untuk pemahaman kewangan yang memberikan pemahaman mendalam kepada mereka yang bercita-cita tinggi kepada kejayaan untuk memperoleh kewangan melalui cerita kejayaan masyarakat Babylon yang terkandung di dalam buku ini. Ianya juga berdasarkan kepada sejarah kewangan Babylon itu sendiri. Babylon adalah satu contoh ulung bagi menunjukkan kebolehan manusia demi mencapai kejayaan dengan apa saja cara. Semua kekayaan Babylon adalah buatan manusia kerana Babylon hanya mempunyai sumber tanah dan air.

## SINOPSIS BUKU



AZAHARUDIN MOHAMED DALI

### **Sejarah perisikan di Malaysia**

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.  
477ms.

ISBN 978-983-46-1266-5

Menurut World Book Encyclopedia, perisikan bermaksud penggunaan perisik, merisik atau aktiviti sesebuah negara yang menggunakan ejen perisik bagi mendapatkan rahsia negara lain bagi tujuan ketenteraan, politik, ekonomi dan sebagainya. Buku yang ditulis berdasarkan kajian sejarah ini memperkatakan berkaitan aspek perisikan yang telah berlaku di negara kita. Bab-bab yang disusun berdasarkan tema-tema tertentu telah diketengahkan melalui 16 bab kesemuanya. Perbincangan banyak ditumpukan ketika era Perang Dunia Kedua, zaman Darurat, zaman Konfrontasi dan Parti Komunis Malaya (PKM). Hal ehwal dunia perisikan seperti ejen perisikan, penyuluhan, tipu helah, sabotaj, subversif mahupun propaganda turut disentuh untuk pengetahuan pembaca. Meskipun isi kandungan buku agak berat, namun dari sudut pengisiannya adalah bersifat popular dan relevan dengan perkembangan semasa. Buku ini sesuai dijadikan sumber rujukan pelajar-pelajar pusat pengajian tinggi yang mengikuti pengajian sejarah, strategik, hubungan antarabangsa, politik, dan pertahanan.


## SINOPSIS BUKU



ISMAIL SAIMAN ... [ET AL.]  
**Seni dalam pendidikan**  
Kuala Lumpur : Freemind Horizons, 2014. 215ms.  
ISBN 978-967-0590-02-8

Seni dalam pendidikan merupakan cabang ilmu bagi penyuburan dan pengayaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ilmu ini merupakan kemahiran-kemahiran seni membolehkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih dinamik, imaginatif dan kreatif. Kemahiran-kemahiran seni yang dimaksudkan terdiri daripada mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, Seni Muzik dan Seni Pergerakan. Seni dalam pendidikan merupakan komponen yang perlu diadaptasi dalam sesuatu pelajaran kerana ia bukannya satu mata pelajaran yang khusus di sekolah tetapi sebagai satu disiplin ilmu yang perlu diserap masuk ke dalam sesuatu mata pelajaran yang diajar oleh guru. Amalan berbudaya sihat dan berjiwa harmonis boleh dilakukan melalui beberapa pendekatan teori-teori pembelajaran yang terdapat dalam kurikulum Seni Dalam Pendidikan.

## SINOPSIS BUKU




### **Skop tugas dan tanggungjawab pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi**

Putrajaya : Jabatan Pengajian Politeknik, 2014.  
136ms.

ISBN 978-983-3444-63-2

Jabatan Pengajian Politeknik di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menerbitkan buku ini dengan tujuan memberi penjelasan, huraian dan perincian mengenai skop tugas dan tanggungjawab Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi di Malaysia. Selain itu buku ini menerangkan perkara-perkara berkaitan kriteria kecemerlangan untuk kenaikan pangkat pegawai dalam Skim Perkhidmatan PPPT. Indikator prestasi merupakan kunci untuk menilai dalam meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian organisasi. Oleh itu pegawai pada kategori yang berlainan melaksanakan tugas yang berbeza, dan dalam masa yang sama setiap skop dan tugas diperhalusi dan diperincikan daripada sudut kriteria kecemerlangan supaya penilaian yang adil dapat diberikan untuk pertimbangan kenaikan pangkat. Buku ini turut memberi penghuraian bagi setiap kategori seterusnya bahagian-bahagian kecil mengikut gelaran dan gred jawatan.


## SINOPSIS BUKU



MOHD HISHAM MOHD SHARIF  
**Suami bukan malaikat,  
isteri bukan bidadari**  
Petaling Jaya : Galeri Ilmu,  
2014. 223ms.  
ISBN 978-983-097-486-6

Tema utama buku ini adalah tentang tanggungjawab dalam perkahwinan. Ia membicarakan tentang cinta yang seharusnya hadir bersama tanggungjawab dalam membina ikatan perkahwinan. Berbicara tentang cinta dan rumahtangga ramai akan membayangkan yang indah-indah belaka. Kita selalu mengharapkan mendapat suami yang baik seperti malaikat, isteri yang lemah-lembut serta cantik umpama bidadari dan anak-anak yang cerdik serba-serbi, bunga yang harum menghiasi dan berbagai fantasi. Tiada manusia normal yang ingin rumahtangga porak peranda dan runtuh di pertengahan jalan. Namun, tidak semuanya manis dan indah. Cabaran yang luar biasa, tanggungjawab yang kadangkala terlalu berat untuk dipikul di bahu, dan ujian yang mendatang, kadang-kala menyesakkan dada sehingga dunia terasa sempit dan sesak. Justeru, amat penting untuk pasangan muda yang baru berkahwin melengkapkan diri dengan ilmu bagi memikul tanggungjawab di alam rumahtangga.


## SINOPSIS BUKU



SOFUAN SAADON  
**Ubat : untuk buat anda terkesan**  
Pengkalan Hulu, Perak :  
Sofuan Saadon, 2014.  
161ms.  
ISBN 978-967-12739-0-6

UBAT adalah singkatan ‘untuk buat anda terkesan’ yang diadaptasi dari pengalaman penulis dengan kehidupan hariannya. Intipati buku ini menjadi penawar kepada setiap penyakit jiwa dan hati yang setiap hari dilalui oleh semua orang. Buku ini juga boleh dijadikan rujukan sekiranya seseorang itu menghadapi masalah kerana perbincangannya meliputi perkara yang terjadi saban hari dan adakalanya berlaku kepada diri sendiri. Bacaan santai ini diselitkan dengan unsur humor di samping contoh-contoh yang memudahkan pembaca untuk memahami kandungan buku ini, walau bagaimanapun penampilan kisah-kisah yang menyentuh perasaan telah membuatkan pembaca mengalirkan air mata tanpa disedari walaupun hanya cerita biasa. Peringatan dan motivasi yang ada di dalam buku ini dapat memberikan kita kekuatan dan semangat ketika berhadapan dengan kekacauan fikiran. Oleh itu bacalah buku ini dan bawalah ianya ke mana-mana sahaja anda pergi.

## SINOPSIS BUKU



MELUR JELITA  
**The unsung hero : wira yang tidak didendang**  
Cheras, Selangor :  
Penerbitan Karyaseni,  
2014. 1156ms.  
ISBN 978-967-0246-80-2

Buku ini merupakan sebuah novel fiksyen yang mengangkat martabat kecintaan kepada ilmu, kepentingan pendidikan serta semangat perjuangan dalam mempertahankan kesucian agama, keagungan bangsa dan kedaulatan negara. Inspektor Irvan dan Inspektor Riyaz mewakili kehebatan VAT 69 PDRM, satu-satunya pasukan *elit force* dalam PDRM. Peranan VAT 69 PDRM dalam mempertahankan negara sejak dari zaman darurat sehingga sekarang dikupas dengan cara yang paling ringan tetapi meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca. Pembaca akan lebih mengenali dan memahami VAT 69 PDRM atau “*The Unsung Hero : Wira yang tak didendang*” yang begitu taat setia dalam menjalankan tugas tanpa mengharapkan nama, pangkat dan imbuhan. Betapa sangat sedikit sejarah dan kisah mereka ditulis sehingga menyebabkan ramai yang tidak mengetahui kewujudan pasukan yang sangat digeruni ini.


## SINOPSIS BUKU



MOHD ROSLI MOHAMAD & MOHD RAFI YAACOB  
**Usahawan kecil Melayu:**  
**isu dan penyelesaian**  
Kota Bharu, Kelantan:  
Universiti Malaysia  
Kelantan, 2014. 284ms.  
ISBN 978-967-5782-57-2

Buku yang bersifat kontemporari ini menghimpunkan 12 artikel daripada penulis-penulis yang mempunyai pelbagai latar belakang dan kepakaran. Ia membincangkan pelbagai isu dan penyelesaian semasa dalam dunia keusahawanan khususnya keusahawanan kecil Melayu. Kebanyakan usahawan Melayu masih terperangkap dalam saiz perniagaan yang bersifat makro, jenis industri dan pasaran yang kurang berdaya saing, serta ketidakupayaan mencipta nilai tambah dalam produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Buku ini turut menyentuh pelbagai isu yang membelenggu usahawan Melayu dari pelbagai sudut seperti kelemahan pemasaran, pasaran yang terbatas di peringkat tempatan dan kelemahan dalam menghayati ajaran Islam dalam menjalankan aktiviti perniagaan. Pelbagai cara penyelesaian seperti peluang-peluang yang ada dan seterusnya menggunakan model-model tertentu sebagai panduan juga turut diberi penekanan. Pendedahan melalui hasil kajian dalam buku ini sedikit sebanyak diharapkan mampu membantu demi kelangsungan hidup dan daya saing kaum Melayu dan usahawan kecil Melayu khususnya.

## SINOPSIS BUKU



SUZANA MUSTAFA  
Variasi seni hiasan :  
bunga reben versi  
pengantin

Shah Alam : Grup Buku  
Karangkraf, 2014. 175ms.  
ISBN 978-983-124-961-1

Buku ini menampilkan 11 jenis bunga reben yang boleh dijadikan hiasan dalam majlis perkahwinan. Sebuah majlis perkahwinan pasti akan lebih berseri dengan hiasan bunga reben yang menarik dan beraneka warna. Ianya akan menjadi lebih bermakna sekiranya pengantin sendiri yang menjahit hiasan bunga reben ini. Hiasan bunga reben boleh digunakan untuk hiasan cenderamata tetamu, bunga telur, hiasan kotak hantaran, bunga tangan sehingga ke kamar beradu raja sehari. Bukan itu sahaja, cadar dan sarung bantal pengantin akan lebih menyerlah sekiranya menggunakan bunga reben sebagai hiasan. Selain itu, bunga-bunga reben ini juga boleh dijadikan sebagai hiasan rumah. Dengan keterangan yang terperinci dan gambar yang jelas, mudah bagi pembaca untuk membuat bunga reben seperti dipaparkan di dalam buku ini.